# Prakata

**Ringkasan Eksekutif Rancangan Tempatan Daerah Kerian ini mengandungi petikan daripada Laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020. Segala penjelasan dan perincian lanjut perlu merujuk kepada laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian tersebut.**

**Draf RT Daerah Kerian mengandungi:**

- **Penyataan Bertulis yang mentafsirkan dasar dan cadangan umum Rancangan Struktur Negeri Perak dan menterjemahkan semua cadangan pembangunan guna tanah fizikal secara bertulis untuk menjelaskan cadangan-cadangan yang terdapat di dalam Peta Cadangan Guna Tanah.**
- **Pelan Subjek menunjukkan pelan cadangan pembangunan secara terperinci mengikut sektor-sektor pembangunan tertentu**
- **Pelan Sisipan menunjukkan pelbagai cadangan pembangunan yang terdapat di dalam pelan subjek secara lebih terperinci melalui gambaran, lukisan perspektif, ilustrasi, keluasan, lokasi dan sebagainya**
- **Peta Cadangan Guna Tanah yang mengandungi cadangan pembangunan guna tanah dan fizikal secara terperinci mengikut lot.**
- **Jadual Kelas Kegunaan Tanah menerangkan jenis dan aktiviti kegunaan tanah utama dan bangunan yang dibenarkan, gunatanah lain yang dibenarkan dengan syarat dan di setiap zon guna tanah yang ditunjukkan di atas Peta Cadangan Kegunaan Tanah. Jadual ini disediakan mengikut Syit Peta Indeks Jabatan Ukur .**

**Rancangan Tempatan ini akan menjadi panduan utama kepada semua pihak dalam merangka pembangunan di Kawasan Majlis Daerah Kerian untuk Memperkasa Daerah Kerian Sebagai Wilayah 4P (Pertanian,Perumahan,Pengangkutan & Pelancongan) Utara Negeri Perak melalui *Rejuvenating Growth* (Merangsang Semula Pertumbuhan)**

# Kandungan

PENGENALAN

Keperluan Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Kerian 3

Proses Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020 4

PROFIL KAWASAN KAJIAN

Maklumat Asas Semasa 5

Gunatanah Semasa 6

Isu dan Potensi Pembangunan 7

ARAH TUJU PEMBANGUNAN

Dasar & Strategi Pembangunan 10

Tema, Wawasan & Halatuju Pembangunan 11

Konsep Pembangunan 12

CADANGAN PEMBANGUNAN

HALA TUJU 1: Daerah Kerian Sebagai Wilayah Ekonomi Sokongan Hidup 13

HALA TUJU 2: Daerah Kerian Sebagai Pusat Transit Antarabangsa Berintegrasi 17

HALA TUJU 3: Daerah Kerian Sebagai Hub Pelancongan Utara Perak & Selatan Pulau Pinang 19

HALA TUJU 4: Daerah Kerian Sebagai Persekitaran Hidup Berkualiti 23

HALA TUJU 5: Daerah Kerian Sebagai Hub Penerbangan & Industri Sokongan Wilayah Utara 42

HALA TUJU 6: Daerah Kerian Sebagai Pusat Perniagaan & Perkhidmatan Utara Perak 43

HALA TUJU 7: Daerah Kerian Sebagai Zon Pengurusan Sumber Bersepadu dan Mampan 44

PETA CADANGAN 45

# PENGENALAN

## Keperluan Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Kerian

***Laporan Draf RT Daerah Kerian merupakan satu dokumen perancangan guna tanah dan fizikal secara terperinci mengikut lot*** bagi seluruh Daerah Kerian memandangkan ketiadaan satu dokumen perancangan yang menyeluruh bagi menjadi rujukan perancangan guna tanah dan fizikal bagi seluruh Daerah Kerian bagi jangkamasa 2010-2020. RT Daerah Kerian disediakan mengikut ***Seksyen 12(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)***

Penyediaan Draf RT Daerah Kerian telah melalui beberapa peringkat kajian dan telah dibentangkan pada beberapa mesyuarat penyelaras Pasukan Kajian dan Teknikal serta melalui rundingan dan kolaborasi antara agensi pelaksana peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. DRT Daerah Kerian akan dipublisitikan kepada orang awam untuk mendapatkan maklumbalas dan bantahan mengenai isi kandungannya (seksyen 13(1)). RT Daerah Kerian ini kemudiannya akan diwartakan selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri Perak (seksyen 15(1)) dan akan menggantikan semula Rancangan Tempatan terdahulu yang telah disediakan oleh Majlis Daerah Kerian di bawah peruntukan Akta 172.

## Kegunaan Rancangan Tempatan Daerah Kerian

- ✓ Menterjemah dasar RFN dan dasar RSN Perak 2020 ke dalam bentuk cadangan pembangunan dan projek RT Daerah Kerian.
- ✓ Menjadi alat untuk membuat keputusan kepada permohonan kebenaran merancang oleh Majlis Daerah Kerian (MDK) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak selaku Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).
- ✓ Menjadi asas bagi perancangan dan pembangunan guna tanah dan fizikal kepada MDK, Pihak Berkuasa Negeri Perak dan semua agensi kerajaan peringkat persekutuan, negeri dan daerah dalam tempoh perancangan untuk mendapatkan peruntukan pembangunan.
- ✓ Memudahcara pemajuan dan penggunaan tanah serta melindungi dan memelihara alam persekitaran.
- ✓ Membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan PBPT kepada orang awam khususnya di dalam aspek perancangan dan pembangunan di dalam kawasan Daerah Kerian.
- ✓ Menjadi rujukan untuk pelabur swasta dan pemaju hartanah bagi tujuan pembangunan secara lebih telus, selaras dan sistematik.
- ✓ Menjadi panduan untuk orang awam dan tuan tanah bagi mengetahui status dan potensi tanah masing-masing pada masa hadapan.

Laporan Draf RT Daerah Kerian terdiri daripada 3 jilid:

- ***Jilid I:*** *Laporan Draf RT Daerah Kerian 2020* ***(Penyataan Bertulis & Cadangan Pembangunan)***
- ***Jilid II :*** *Laporan Draf RT Daerah Kerian 2020* ***(Kawalan Pembangunan)***
- ***Jilid III :*** *Laporan Draf RT Daerah Kerian 2020* ***(Pengurusan dan Pelaksanaan)***









# PENGENALAN

## Proses Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020

**PERINGKAT I**

*Seksyen 12A, Akta 172* — **Mobilisasi Kajian dan Asas Rujukan**

↓

**Laporan Awal**

↓

**PERINGKAT II**

**Laporan Penemuan**

↓

**Laporan Konsep dan Strategi Pembangunan**

↓

**PERINGKAT III**

*Seksyen 12, Akta 172* — **Draf RT Daerah Kerian**

↓

*Seksyen 13, Akta 172* — **Publisiti Draf RT Daerah Kerian**

↓

*Seksyen 14, Akta 172* — **Penyiasatan dan Pendengaran**

↓

**PERINGKAT IV**

**Kelulusan RT Daerah Kerian**

↓

*Seksyen 12A, Akta 172* — **Pewartaan RT Daerah Kerian**

# PROFIL KAWASAN KAJIAN

## Maklumat Asas Semasa







| Blok Perancangan (BP) | Keluasan (hektar) | Peratus (%) |
|---|---|---|
| BP 1 : Parit Buntar | 5,047.97 | 5.47 |
| BP 2 : Bagan Serai | 14,371.06 | 15.57 |
| BP 3 : Beriah | 14,998.24 | 16.25 |
| BP 4 : Gunung Semanggol | 17,051.49 | 18.47 |
| BP 5 : Selinsing | 18,976.27 | 20.56 |
| BP 6 : Kuala Kurau | 13,761.43 | 14.91 |
| BP 7 : Tanjong Piandang | 3,877.14 | 4.20 |
| BP 8 : Bagan Tiang | 4,223.34 | 4.58 |
| Jumlah Keseluruhan | 92,306.94 | 100.00 |

### 1. Keluasan Pentadbiran

Daerah Kerian mempunyai keluasan 92,306.94 hektar. Terdapat dua Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) yang bertanggungjawab mengenai kawalan perancangan iaitu Majlis Daerah Kerian (MDK) yang meliputi kawasan seluas 19,470 hektar (21%) dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Perak selaku PBPT bagi kawasan yang terletak di luar kawasan MDK dengan keluasan 72,830 hektar (79%).

### 2. Penduduk

Bilangan penduduk di Daerah Kerian pada tahun 2010 adalah seramai 180,340 orang. Bilangan ini dijangkakan meningkat kepada 217,470 orang pada tahun 2020 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.87% setahun.

### 3. Asas Ekonomi

Penyumbang utama KDNK Daerah Kerian adalah sektor perkhidmatan iaitu 63.5% dari jumlah daerah dengan nilai tambah sebanyak RM 1,312.9 juta. Sektor pembuatan merupakan penyumbang kedua terbesar selepas perkhidmatan dengan nilai tambah sebanyak RM 382.5 juta atau 18.5%. Sumbangan sektor pertanian dan perikanan adalah sebanyak RM 328.7 juta atau 15.9% walaupun keluasan guna tanahnya adalah yang terbesar.

# PROFIL KAWASAN KAJIAN

## Gunatanah Semasa




| GUNATANAH | LUAS (h) | % |
|---|---|---|
| Perumahan | 985.33 | 1.07 |
| Komersial | 87.07 | 0.09 |
| Industri | 203.48 | 0.22 |
| Institusi dan Kemudahan Masyarakat | 542.30 | 0.59 |
| Tanah Kosong | 682.74 | 0.74 |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 39.74 | 0.04 |
| Infrastruktur dan Utiliti | 2, 552.03 | 2.76 |
| Pengangkutan | 1, 916.34 | 2.08 |
| Pertanian | 59,756.51 | 64.74 |
| Penternakan dan Akuakultur | 601.42 | 0.65 |
| Hutan | 17, 913.02 | 19.41 |
| Badan Air | 7, 026.96 | 7.61 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 92 306.94 | 100 |

**PETUNJUK**

- Lebuh Raya
- Jalan
- Landasan Keretapi
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim / BP

# ISU & POTENSI PEMBANGUNAN

## Ekonomi

### Isu Strategik

- **Permintaan dan penawaran aktiviti ekonomi** (pertanian, perniagaan, perindustrian, pelancongan) di Daerah Kerian adalah **lemah dan tidak komprehensif.**
- **Saiz ladang yang kecil dan tradisional** serta sistem pengurusan ladang secara individu kecilan dan tradisional.
- **Susunan petak sawah tidak tersusun** mengakibatkan tanaman padi tidak mencapai potensi.
- **Ciri aktiviti ternakan yang bergerompok kecil** dan tidak efisyen/ekonomik.
- **Pengoperasian industri yang rendah.**
- **Tahap perhubungan dan aksesibiliti kawasan perindustrian yang rendah.**
- **Penawaran aktiviti perniagaan hanya kepada *low and medium goods.***
- **Kekosongan premis perniagaan yang tinggi.**
- **Potensi produk pelancongan Daerah Kerian tidak dieksploitasikan secara meluas** dari segi produk, pakej pemasaran dan promosi yang maksimum.



### Potensi

- **Projek ternakan udang di Selinsing dilihat memberi peluang kepada pengembangan kawasan** dan sebagai catalyst aktiviti ternakan udang kepada penduduk selain mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk.
- **Kawasan pesisir pantai Daerah Kerian menghasilkan produktiviti akuakultur yang tinggi** kerana terdapatnya kawasan hutan paya laut yang menjadi habitat pelbagai kehidupan marin.
- **Aktiviti tangkapan ikan di kalangan nelayan pantai Daerah Kerian berpotensi menjadi lebih aktif** berdasarkan pendaratan ikan Daerah Kerian yang menyumbang kepada 10.2% pengeluaran Negeri Perak.
- Daerah Kerian mempunyai **jumlah bilangan bot kecil berenjin dalam yang terbanyak di Negeri Perak** dan mempunyai potensi mengembangkan aktiviti perikanan di Perak.
- **Kedapatan Kelas Tanah II yang luas** untuk aktiviti pertanian.
- **Potensi berkembangnya aktiviti penternakan ikan Arowana jenis Malaysian Golden** yang boleh menjana pendapatan ekonomi dan pelancongan.
- Kedapatan **jaringan sungai di Lembangan Sungai Kerian dan Sungai Kurau yang menyokong pembangunan industri pelancongan, pertanian dan perikanan** (*Fisherman's Wharf*).
- Kedapatan **sumberjaya pelancongan semulajadi yang pelbagai** dan kawasan padi yang luas dan berpotensi untuk pembangunan produk pelancongan agro dan eko-pelancongan.
- **Limpahan pembangunan industri di Seberang Perai dan kawasan Industri Kulim** yang pesat berkembang memberi peluang kepada Daerah Kerian mengambil peluang untuk mengembangkan rantaian aktiviti industri pembuatan dan hiliran.
- **Koridor Perindustrian Ipoh – Taiping – Parit Buntar akan membentuk koridor perindustrian segi tiga Wilayah Utara** yang melibatkan beberapa kawasan di Daerah Kerian iaitu :
  - Bagan Serai – Batu Kawan sebagai pusat pembuatan, industri sokongan dan industri parts and component
  - Bukit Merah – Alor Pongsu – Selama sebagai pusat pembangunan industri pengetahuan tinggi dan industri berasaskan ICT.
- Kawasan **Trans Kerian (Nibong Tebal) yang dibangunkan sebagai Nukleus Akademik Pulau Pinang** berpotensi menjana permintaan kepada pembangunan perumahan di Daerah Kerian kerana perletakannya yang bersempadan.
- Daerah Kerian berpotensi untuk dijadikan sebagai ***Dormitory Town*** kepada penduduk yang bekerja di Seberang Perai dan juga Taiping.
- Kedapatan **estet / ladang pertanian pada skala besar** merupakan potensi bagi peningkatan aktiviti pertanian yang lebih moden dan produktif.

# ISU & POTENSI PEMBANGUNAN

## Sosial

**Isu Strategik**

- **Tanah lapang masih tidak cukup** berbanding dengan keperluan yang digariskan di dalam Garis Panduan Penyediaan Tanah Lapang, JPBD Semenanjung Malaysia.
- **Kurangnya penyelenggaraan di kawasan lapang** menyebabkan terdapat kemudahan landskap yang telah rosak dan usang.
- Masih terdapat **keluarga yang berada di paras kemiskinan** yang memerlukan bantuan supaya kualiti kehidupan keluarga tersebut meningkat.
- **Penguatkuasaan dan kawalan yang serius terhadap aktiviti pencemaran alam persekitaran** (pertanian, penternakan, perikanan, perindustrian dan pelupusan sisa pepejal) **kurang diberi keutamaan.**

**Potensi**

- **Projek komited pembangunan hospital pakar** di Simpang Lima berpotensi untuk pembangunan pelancongan kesihatan.






## Alam Sekitar

**Isu Strategik**

- Aktiviti **penternakan burung walit di kawasan perbandaran dan pinggiran bandar yang tidak dikawal** telah memberi kesan kepada alam persekitaran yang boleh menjejaskan imej kawasan tersebut.
- Tiada pendekatan yang khusus untuk menghadapi **masalah hakisan pantai.**
- Pembangunan di kawasan KSAS (kawasan hutan paya bakau, persisiran pantai) telah **memberi impak hakisan yang serius dan mengubah rupa bentuk bumi** beberapa tempat di Daerah Kerian.
- **Aktiviti membakar sekam padi** boleh mengganggu kualiti udara setempat walaupun ia bersifat sementara. Pemantauan secara berkala daripada pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Alam Sekitar adalah perlu.
- **Konflik pembangunan perbandaran** mempengaruhi tahap kualiti persekitaran semulajadi.

**Potensi**

- Kedapatan **hutan simpan yang sesuai dikekalkan** serta berpotensi untuk pembangunan hortikultur seperti tanaman herba.
- Terdapat beberapa jenis ekosistem semulajadi iaitu **ekosistem hutan paya bakau, hutan pesisir pantai dan hutan tanah pamah menawarkan biodiversiti yang menyokong pelancongan** berteraskan ekologi (ecotourism).
- Kedapatan **banyak jaringan sungai di lembangan Sungai Kerian dan Sungai Kurau** yang menyokong sektor pertanian.
- Kedapatan **pokok-pokok paya bakau** di tapak perlindungan burung Kuala Gula yang berpotensi sebagai **zon penampan semulajadi** dari ancaman tsunami.



# ISU & POTENSI PEMBANGUNAN

## Fizikal







### Isu Strategik

- **Aksesibiliti yang rendah dan sederhana** antara pusat petempatan di dalam Daerah Kerian.
- Keadaan fizikal **permukaan jalan, geometri jalan dan persimpangan yang kurang baik.**
- **Ancaman banjir** yang berlaku di beberapa kawasan, Daerah Kerian akan memberi kesan negatif terhadap aktiviti fizikal, ekonomi, sosial serta alam sekitar.
- **Kawasan tadahan Sungai Kerian yang luas dan curahan hujan yang tinggi** menyebabkan berlakunya limpahan banjir.
- **Kuantiti air larian permukaan yang tinggi** dari kawasan tepu pembangunan tidak mampu mengalir ke Sungai Kerian dengan paras air yang tinggi menyebabkan berlaku takungan air di kawasan rendah dan limpahan sepanjang sistem perparitan sekunder.
- Aksesibiliti dan kualiti serta kadar liputan perkhidmatan infrastruktur dan utiliti terhadap sektor pelancongan, perniagaan, industri dan pertanian, **masih belum mencapai tahap kemudahan yang diinginkan oleh penduduk.**
- Tahap **perhubungan dan aksesibiliti kawasan perindustrian yang rendah** di Kawasan Perindustrian Parit Buntar dan Kawasan Perindustrian Serai Muda.
- **Daerah Kerian kekurangan 575.46 hektar tanah** untuk tujuan kegunaan tanah lapang dan rekreasi bagi tahun 2010.
- Masih terdapat **binaan seperti tangki air dibina di atas tanah lapang.**
- **Masih terdapat tanah lapang di Daerah Kerian yang belum diwartakan** dan ini boleh menyebabkan gunatanahnya bertukar kepada aktiviti selain kawasan tanah lapang.

### Potensi

- Cadangan **pembangunan Terminal Lapangan Terbang Utara (UMAT)** berpotensi untuk menjana peluang ekonomi di Daerah Kerian dan menjadikan Daerah Kerian sebagai hub baru pengangkutan udara dan industri berkaitan aktiviti penerbangan.
- **Pembinaan Landasan Berkembar Keretapi** akan meningkatkan tahap perhubungan di peringkat wilayah dari Daerah Kerian ke kawasan lain seterusnya menjana ekonomi di Daerah Kerian.
- Pembinaan **persimpangan bertingkat Alor Pongsu** akan menambah lagi akses keluar masuk Daerah Kerian ke lebuhraya dan meningkatkan tahap aksesibiliti petempatan seperti Alor Pongsu, Bagan Serai dan Parit Buntar.
- Daerah Kerian mempunyai **laluan perhubungan wilayah yang baik** dengan rangkaian jalan raya pelbagai hierarki.
- Kawasan **kampung, setinggan dan rizab kerajaan yang terletak di kawasan bandar** serta kawasan brownfield berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan perbandaran.

# KERANGKA PERANCANGAN RT DAERAH KERIAN

## TERJEMAHAN DASAR & POLISI

| PERINGKAT NASIONAL | PERINGKAT WILAYAH | PERINGKAT NEGERI |
|---|---|---|
| • Dasar Wawasan Negara<br>• Dasar Pertanian Negara (DPN 3)<br>• Dasar Perhutanan Negara<br>• Dasar Perindustrian Negara (IMP3)<br>• Dasar Alam Sekitar Negara<br>• Dasar Perbandaran Negara<br>• Empat Tonggak Transformasi Kerajaan<br>- Program 1Malaysia<br>- Program Transformasi Kerajaan<br>- Model Baru Ekonomi (MBE)<br>- RMK10<br>• Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar<br>• Rancangan Fizikal Negara | **KORIDOR EKONOMI WILAYAH UTARA (NCER)**<br>• Daerah Kerian sebagai<br>• kelompok pemprosesan padi<br>• kelompok hortikultur<br>• kelompok elektrikal dan elektronik<br>• kelompok pemprosesan padi hiliran dan akua hiliran.<br>• pusat kemahiran (industri automotif)<br>• Daerah Kerian terlibat :<br>• Projek landasan berkembar dari Ipoh ke Padang Besar<br>• Cadangan Lebuhraya Pesisiran Pantai | **RS NEGERI PERAK**<br>• Daerah Jelapang Padi (penyumbang makanan utama negeri dan negara)<br>• Termasuk di dalam Konurbasi Pulau Pinang (Bagan Serai, Parit Buntar, Selama, Alor Pongsu/Bukit Merah),<br>• Hub pelancongan taman tema air di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia (Bukit Merah Laketown Resort).<br>• PSW - Parit Buntar-Bagan Serai<br>• PPU - Bukit Merah-Alor Pongsu<br>• PPK - Kuala Kurau dan Tanjung Piandang |

pencapaian matlamat/polisi

## PERANAN STRATEGI DAERAH KERIAN 2020

**•Pembentukan tema, wawasan, hala tuju pembangunan dan strategi pembangunan daerah**

penyelesaian masalah & pengembangan potensi

| ISU-ISU PEMBANGUNAN | POTENSI PEMBANGUNAN | SASARAN PEMBANGUNAN |
|---|---|---|
| **Terdapat 28 isu-isu pembangunan di Daerah Kerian yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, alam sekitar dan fizikal.** | **Terdapat 15 potensi pembangunan utama di Daerah Kerian yang merangkumi pembangunan ekonomi dan sosial.** | **Sasaran pembangunan Daerah Kerian adalah berdasarkan penemuan unjuran kajian.** |

## KEDUDUKAN SEMASA DAERAH KERIAN

# TEMA, WAWASAN & HALATUJU PEMBANGUNAN

## TEMA PEMBANGUNAN

*REJUVENATING GROWTH*
Merangsang Semula Pertumbuhan

## WAWASAN PEMBANGUNAN

PERTANIAN
PERUMAHAN
PENGANGKUTAN
PELANCONGAN

**MEMPERKASAKAN DAERAH KERIAN SEBAGAI WILAYAH 4P UTARA NEGERI PERAK**

## 3 Hala tuju Utama

1. Daerah Kerian Sebagai Wilayah Ekonomi Sokongan Hidup
2. Daerah Kerian Sebagai Pusat Transit Antarabangsa Berintegrasi
3. Daerah Kerian Sebagai Hub Pelancongan Utara Perak & Selatan Pulau Pinang

## 4 Hala tuju Sokongan

1. Daerah Kerian Sebagai Persekitaran Hidup Berkualiti
2. Daerah Kerian Sebagai Hub Penerbangan & Industri Sokongan Wilayah Utara
3. Daerah Kerian Sebagai Pusat Perniagaan & Perkhidmatan Utara Perak
4. Daerah Kerian Sebagai Zon Pengurusan Sumber Bersepadu & Mampan

# KONSEP PEMBANGUNAN

### *KONSEP MULTI-NUCLEATED GROWTH*

Konsep ini akan digunapakai sebagai kerangka spatial pembangunan Daerah Kerian




**PETUNJUK**

- Cadangan Tumpuan Perbandaran
- Zon Pengekalan Sumber
- Zon Pengekalan Kawasan Padi
- Zon Pertanian
- Pengekalan Kelas Tanah II
- Pengaruh Utama
- Pembangunan Bertumpu
- Pintu Masuk Utama
- Lebuh Raya
- Jalan
- Landasan Keretapi
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim / BP

### Ciri-Ciri Pembangunan *Multi-Nucleated Growth*

- Penggunaan sumber ekonomi secara optimum dengan mengambilkira kedekatan dengan sumber sedia ada seperti :
  - i. Aktiviti pertanian sedia ada
  - ii. Kelas tanah II yang berpotensi untuk perluasan aktiviti pertanian
  - iii. Kawasan pelancongan sedia ada
  - iv. Kawasan tepubina sedia ada
  - v. Pembangunan komited
  - vi. Pusat bandar utama
  - vii. Pusat petempatan
  - viii. Kemudahan sosial seperti tanah lapang dan rekreasi serta kemudahan masyarakat.
- Pola perkembangan bandar adalah secara konsektrik dari pusat-pusat pertumbuhan dan bergerak keluar mengikut beberapa jalan utama (koridor pembangunan dan sempadan bandar yang ditetapkan).
- Mempunyai sempadan bandar yang jelas dan dibangunkan secara optimum dengan tumpuan aktiviti ekonomi tertentu.
- Pemusatan aktiviti yang pelbagai. Tumpuan aktiviti di pusat pertumbuhan adalah pelbagai jenis pembangunan ekonomi dan sosial yang mendatangkan keuntungan berkelompok (agglomerasi) antara mereka.
- Setiap pusat berhubung antara satu sama lain melalui rangkaian jalan dan mod pengangkutan awam.
- Pengekalan kawasan KSAS dan tanah pertanian yang luas.
- Pengekalan sumberjaya semulajadi terutama untuk tujuan pelancongan.
- Penyediaan kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti dapat disalurkan secara optimum.
- Galakan pembangunan ke kawasan *brownfield.*

# CADANGAN PEMBANGUNAN

## HALATUJU 1: Daerah Kerian Sebagai Wilayah Ekonomi Sokongan Hidup

### Menyediakan Guna Tanah Pertanian dan Perbandaran yang Mencukupi

**1. Mengekalkan kawasan pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan yang produktif**

- Kawasan Jelapang Padi Kerian.
  **- 21,103 hektar**
- Kawasan hutan simpan
  **- 17,572.8 hektar**
- Kawasan pertanian di luar kawasan jelapang padi.
  **- 30,853 hektar**

**2. Cadangan kawasan tumpuan perbandaran**

i. Memastikan perkembangan aktiviti perbandaran terkawal tidak melibatkan kawasan pertanian produktif dan memastikan corak pembangunan bandar menjadi lebih teratur serta efisien.

ii. Mengelakkan rebakan bandar (*urban sprawl*) yang tidak terkawal dan boleh dijadikan had kawasan perbandaran (*urban limit*).

iii. Mengurangkan penukaran gunatanah pertanian kepada pembangunan di luar kawasan sempadan bandar.



## Meningkatkan Produktiviti Tanaman Padi




1. **Mengekalkan Zon Kekal Tanaman Padi**
2. **Mengubahsuai bentuk dan keluasan petak sawah**
3. **Pembaikan infrastruktur dan kemudahan pengairan dan saliran**
4. **Mengekalkan Tanah Kelas Kesesuaian 2 untuk pengeluaran hasil pertanian**
5. **Amalan Pertanian Baik**

Keluasan Zon Pengekalan Padi

| | |
|---|---|
| Kawasan Padi Sedia Ada | 21775 hektar |
| kawasan jelapang padi yang dimajukan untuk aktiviti perbandaran | 672 hektar |
| Zon Pengekalan Padi | 21,103 hektar |





## Meningkatkan Produktiviti Tanaman Kelapa Sawit, Getah dan Tanaman-tanaman Lain (Buah-buahan dan Sayur-sayuran)

i. Mewujudkan mini estet dan ladang kelompok berskala komersial di semua kawasan tanaman kelapa sawit, getah dan lain-lain tanaman (buah-buahan dan sayur-sayuran).
ii. Melaksanakan projek selingan dan integrasi tanaman di kawasan getah dan kelapa sawit dengan tanaman makanan dan ternakan.

## Meningkatkan Produktiviti Akuakultur

Mewujudkan zon akuakultur bersepadu.

## Meningkatkan Produktiviti Tangkapan Ikan

Satu kajian kesesuaian penggunaan dan lokasi tukun tiruan menggalakkan populasi ikan di kawasan pantai . Hasil kajian akan menentukan jenis dan lokasi projek tukun tanpa menjejas laluan biasa bot-bot ke jeti.

## Menjana Sumber Ekonomi Baru Melalui Aktiviti Penternakan Ikan Arowana Secara Komersial dan Lebih Terancang.

i. Mewujudkan zon penternakan Arowana.
ii. Mewujudkan sistem pengairan yang berasingan bagi aktiviti penternakan ikan arowana dan mengenakan bayaran untuk bekalan air tersebut.
iii. Mewujudkan pusat penyelidikan penternakan arowana bertaraf dunia.

## Meningkatkan Produktiviti Ternakan

i. Mewujudkan kawasan /kelompok untuk ternakan lembu, kambing dan bebiri.
ii. Membesarkan gerompok ternakan dengan cara penubuhan koperasi penternak.
iii. Mewujudkan zon ternakan yang terkawal bagi ternakan khinzir dan ayam.










## Pembangunan Sumber Manusia Bagi Menyediakan Tenaga Mahir dan Cekap Dalam Bidang Pertanian







i. Mewujudkan pusat latihan professional pertanian berasaskan kemahiran.
   - Kawasan Penyelidikan Padi Sime Darby.
   - Pusat Ternakan Udang, Selinsing.
   - Makmal Penyelidikan dan Pensijilan Arowana, Bukit Merah.
   - Cadangan Kampus UPM di Lembah Beriah.

ii. Menyediakan program latihan belia, program siswazah tani, R&D dan kursus-kursus yang berkaitan dengan sektor pertanian, perikanan dan penternakan.

## Meningkatkan Sumber Pengeluaran Hasil Makanan yang Mempunyai Nilai Tambah dan Menjana Pengeluaran dan Pemasaran yang Lebih Terancang





i. Mewujudkan zon IKS bagi penghasilan produk industri asas tani.

ii. Mewujudkan zon pemasaran produk pertanian, perikanan dan ternakan secara komersial.

iii. Membangunkan produk dan memperbaiki pembungkusan dan jenama.

## Menghasilkan Produk Berkualiti Dari Sumber Hutan Disamping Memelihara Hutan Tadahan Air dan Hutan Rekreasi.





i. Pembangunan dan Pengurusan Hutan Pengeluaran-Hutan Simpan Kekal Selinsing.

ii. Pembangunan dan Pengurusan Hutan Tadahan Air - Hutan Simpan Kekal Beriah.

iii. Pembangunan dan Pengurusan Hutan Rekreasi-Hutan Simpan Kekal Gunung Semanggol.

# CADANGAN PEMBANGUNAN

## HALATUJU 2: Daerah Kerian Sebagai Pusat Transit Antarabangsa Berintegrasi

### Menjadikan Daerah Kerian Sebagai Gerbang Utara Perak (GUP) Bagi Perkhidmatan Penumpang dan Kargo




**Persimpangan Bertingkat**
1 Bukit Merah
2 Alor Pongsu

**Stesen Keretapi**
1 Stesen Parit Buntar
2 Stesen Bagan Serai
3 Stesen Bukit Merah

**Terminal Pengangkutan Bersepadu Bas & Teksi**
1 Parit Buntar
2 Bagan Serai

1. Penaiktarafan kemudahan stesen keretapi Parit Buntar dan Bagan Serai selari dengan cadangan laluan landasan berkembar
2. Membangunkan UMAT sebagai lapangan terbang antarabangsa yang lengkap dengan pelbagai kemudahan penumpang antarabangsa dan kargo
3. Cadangan membina persimpangan bertingkat di Alor Pongsu

### Mengintegrasikan Perkhidmatan Pengangkutan Rel dengan Pengangkutan Awam Bas

Menggunakan sistem *shuttle bus* bagi menghubungkan stesen bas dan keretapi termasuk menghubungkan UMAT dengan sistem pengangkutan awam lain.

**Parit Buntar**




**Bagan Serai**



## Cadangan Laluan Bas Antara Bandar




## Cadangan Laluan Bas Bandar Parit Buntar







*Cadangan perhentian bas di Daerah Kerian*

## Cadangan Menaiktaraf Terminal Pengangkutan Bersepadu Bas dan Teksi








*Ilustrasi perhentian bas berbumbung dengan kemudahan sokongan seperti laluan pejalan kaki*

# CADANGAN PEMBANGUNAN

## HALATUJU 3: Daerah Kerian Sebagai Hub Pelancongan Utara Perak & Selatan Pulau Pinang

### Membangunkan Kawasan Pelancongan Berteraskan Tema Mengikut Keunikan Sumber Jaya






Kuala Kurau



Pantai Ban Pecah



Taman Rekreasi Pinggiran Sungai Kerian



Cadangan Hutan Rekreasi Gunung Semanggol

## Zon Pelancongan Kelip-kelip Kg. Dew




Komponen Pembangunan:

1. Medan Ikan Bakar
2. Jeti ke kawasan Kelip-kelip / Jeti ke Pulau Kelumpang
3. Taman Permainan
4. Wakaf
5. Surau
6. Tempat Letak Kereta




## Zon Pelancongan Pantai Ban Pecah







Komponen Pembangunan:

1. Chalet/Inap Desa
2. Medan Selera/ Restoran Ikan Bakar
3. Jeti & Wakaf



## Zon Pelancongan Komersial Parit Buntar




Kawasan Pelancongan:

1. Parit Buntar Street Mall
   - Pasar Malam Parit Buntar
   - Pasar Kemboja
2. Taman Pinggiran Sg. Kerian






## Zon Pelancongan Rekreasi Hutan Gunung Semanggol

Komponen Pembangunan:

- Laluan trek desa/memanjat gunung
- Menyediakan aksesibiliti
- Parkir kereta/bas
- Tandas awam
- Lampu jalan
- Papan tanda arah
- Kedai makan









## Zon Pelancongan Komersial *Fisherman's Wharf* Kuala Kurau



*Jualan Hasil Laut*



*Medan Selara*



## Menyediakan Pakej dan Laluan Pelancongan yang Menyeluruh di Samping Menggiatkan Lagi Promosi Pelancongan

**Cadangan pakej pelancongan Daerah Kerian**
- **Pakej Pelancongan Kuala Gula - Parit Buntar**
- **Pakej Pelancongan Kuala Gula - Bukit Merah**
- **Pakej Pelancongan Parit Buntar - Bukit Merah**

**A**: Zon Pelancongan Pesisir Pantai Kerian
- Kelip-kelip Kg. Dew
- Kuala Gula
- Kuala Kurau *Fisherman's Wharf*
- Tanjung Piandang
- Pantai Ban Pecah
- Kg. Megat Aris

**B**: Zon Pelancongan Komersial Parit Buntar
- Pusat Komersial Parit Buntar
- Pasar Kemboja
- Pinggiran Sg. Kerian

**C**: Zon Pelancongan Bukit Merah
- Taman Tema Bukit Merah
- Pulau Orang Utan
- Arowana Bukit Merah





Cadangan aktiviti pelancongan komersial di Street Mall Parit Buntar


Cadangan Jeti Kelip-kelip Kg. Dew


Cadangan Program Inap Desa di Kg. Megat Aris

# CADANGAN PEMBANGUNAN

## HALATUJU 4: Daerah Kerian Sebagai Persekitaran Hidup Berkualiti

### Membangunkan Bandar-bandar dan Pusat-pusat Petempatan Mengikut Hierarki Bandar

Hierarki bandar menentukan fungsi, perletakan aktiviti, kemudahan dan saiz penduduk

| Hierarki | Bandar/Petempatan |
|---|---|
| Pusat Separa Wilayah | • Parit Buntar<br>• Bagan Serai |
| Pusat Tempatan Utama Tahap Tertinggi | • Bukit Merah |
| Pusat Tempatan Kecil | • Kuala Kurau<br>• Tanjung Piandang<br>• Simpang Empat Semanggol<br>• Simpang Lima<br>• Alor Pongsu<br>• Beriah |
| Pusat Petempatan Desa | • Kg. Dew<br>• Kuala Gula<br>• Titi Serong<br>• Gunung Semanggol<br>• Batu Lima Jalan Baru<br>• Changkat Lobak<br>• Bagan Tiang |

### Memperkemaskan Struktur Bandar serta Mengoptimakan Penggunaan Tanah




**Penumpuan pembangunan perbandaran di dalam kawasan brownfield**

Pendekatan penumpuan pembangunan di kawasan brownfield ini juga boleh menghasilkan gunatanah yang optimum.

### Mempertingkatkan Identiti dan Imej Pusat Bandar di Daerah Kerian

Membentuk mercu tanda yang melambang identiti Daerah Kerian.



*Ilustrasi Mercu Tanda (Air Pancut) di Pekan Lama Parit Buntar*




*Ilustrasi Mercu Tanda (Air Pancut) di Pekan Kuala Kurau*



*Ilustrasi Mercu Tanda (Air Pancut) di Pekan Tanjung Piandang*

# Menerapkan Elemen Perabot Jalan bagi Mengukuhkan Karakter Bandar di Daerah Kerian

## Pembangunan Pusat Bandar Parit Buntar




**Pembangunan Mengadap Sungai**

Kawasan komersial mengadap sungai dengan pembahagian zon berselang-seli antara pasif dan aktif bagi membentuk aktiviti bandar yang bersepadu




*Pembangunan Hotel Mengadap Sungai*




*Entrance Statement*




*Penukaran Guna Bangunan Iaitu Kediaman Kepada Aktiviti Komersial Pengekalan Fasad Lama Bangunan*




*Kedai 4 Tingkat Moden*

## Pembaikpulihan Kawasan Pusat Bandar Bagan Serai

Membaikpulih fasad bangunan lama iaitu era peralihan dan era 50 an di pusat bandar Bagan Serai.




**_Bandar Baru Bagan Serai_**




## Pembaharuan Semula Pusat Bandar Kuala Kurau

Cadangan membaik pulih struktur bandar dengan penyediaan landskap yang bersesuaian.

Fasad bangunan diganti dengan pembangunan baru yang moden sesuai dengan keadaan sekitar dan pembangunan *fisherman's wharf* .




**_Pekan Kuala Kurau_**




**_Pembaikpulihan koridor zon komersial_**

## Pembangunan *Fisherman's Wharf*




**Pembangunan Waterfront Berkonsepkan *Fisherman's Wharf***

- Penyediaan laluan pejalan kaki di sepanjang pembangunan yang mengadap Sungai Kurau.
- Pembangunan komersial baru adalah mengadap sungai dan berkesinambungan dengan laluan pejalan kaki di sepanjang kawasan tersebut.




***Ruang Pejalan Kaki Di Sepanjang Kawasan Fisherman's Wharf Sehingga Ke Pekan Lama Kuala Kurau***




***Pelantar Bot***




**Pembangunan Hotel Menghadap Sungai**




***Sight Seeing Tower***




***Pintu Gerbang ke Fisherman's Wharf***

## Pembentukan Pintu Gerbang/Gateway atau *Entrance Statement*







*Ilustrasi Pintu Gerbang Utara di Sempadan Daerah*




***Ilustrasi Entrance Statement di Kg. Dew***




***Ilustrasi Entrance Statement di Kuala Gula***




***Ilustrasi Entrance Statement di Kuala Kurau, dan Tanjung Piandang***

## Cadangan Pembangunan Perumahan

1. Menyediakan kawasan perumahan baru bagi menampung keperluan pembangunan perumahan sehingga tahun 2020.
2. Menggalakkan pembangunan kawasan perumahan yang berkonsepkan kejiranan.
3. Mempelbagaikan jenis dan densiti perumahan.
4. Menyediakan keperluan perumahan mampu milik yang mencukupi sehingga tahun 2020.
5. Menyediakan zon perumahan industri mengikut kawasan tadahan industri yang ditetapkan.
6. Menaiktaraf pembangunan petempatan nelayan bagi memastikan persekitaran perumahan yang kondusif.





***Keperluan keluasan perumahan baru mengikut Mukim***

| Mukim | Keluasan (hektar) |
|---|---|
| Parit Buntar | 313.610 |
| Bagan Serai | 384.608 |
| Beriah | 98.279 |
| Gunung Semanggol | 65.635 |
| Selinsing | 69.184 |
| Kuala Kurau | 102.664 |
| Tanjung Piandang | 92.032 |
| Bagan Tiang | 27.917 |
| Jumlah | 1153.93 |




Cadangan Zon Perumahan

Perumahan Sedia Ada

Cadangan Kawasan Perumahan Mampu Milik Awam (Indikatif)

## Meningkat dan Membangunkan Pusat Petempatan Desa (PPD)

1. Mewujudkan peluang ekonomi yang berdaya maju, mampu bersaing dan bertahan lama.
2. Menaiktaraf dan memelihara kampung yang berpotensi untuk pelancongan.
3. Meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan kemiskinan melalui projek peningkatan pendapatan isi rumah kumpulan sasar.
4. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam yang menyeluruh.
5. Meningkatkan imej dan identiti pusat-pusat petempatan desa.
6. Menggalakkan aktiviti kemahiran, latihan dan bina insan.
7. Menggalakkan aktiviti kemasyarakatan dan kerohanian.





Batu Lima Jalan Baru




Bagan Tiang




Kuala Gula




Titi Serong




Gunung Semanggol




Kg. Dew




Changkat Lobak



## Menyediakan Kemudahan Masyarakat yang Mencukupi dan Berkualiti

### Senarai Keperluan Kemudahan Masyarakat

| Kemudahan | 2011 | | Keperluan Sebenar | | Tambahan (Lebihan) |
|---|---|---|---|---|---|
